

Sebar khabar angin dan bersiap bagi gaduh kaum

# EMPAT AHLI SILAT DITAHAN

JABATAN Keselamatan Dalam Negeri (JSD) telah menahan empat orang lelaki yang didapati menyebarkan khabar-khabar angin dan giat membuat persiapan untuk pergaduhan kaum yang menurut mereka, akan berlaku pada atau sekitar 13 Mei. *PERTEMUAN*

Empat orang yang ditahan itu ialah Maznan Awi, 30 tahun, seorang pegawai bomba dan keselamatan yang telah dipecat dari perkhidmatan polis dalam 1986 kerana menyerang seorang awam; Mohd Noor Kasmadi, 37 tahun, konstabel polis yang bertugas di Balai Polis Tanglin; Abdul Gani Abdul Rahman, 31 tahun, seorang pemandu; dan Mohd Jumaat Ramad, 20 tahun, seorang penuntut Lembaga Latihan Kejuruan dan Perusahaan (VITB). *PERUSAHAAN SILAT*

Mereka kini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Lapan orang lagi yang terlibat telah dipanggil dan diberi amaran.

Menurut satu kenyataan Kementerian Ehwal Dalam Negeri, empat orang itu, yang menjadi anggota kumpulan-kumpulan silat kebatinan yang tidak berdaftar, telah mempergiatkan latihan kemahiran silat mereka sebagai persiapan menghadapi pergaduhan kaum. **-4 JUN 1987**

Seorang daripada mereka telah mula mengasah dan "menjampir-serapah" beberapa bilah parang untuk kegunaan mereka dan anggota kumpulan-kumpulan mereka.

Sebanyak lima bilah parang, dua bilah keris dan sebilah pedang telah dijumpai di flat Mohd Noor. Sebilah lagi parang telah dijumpai dan dikembalikan kepada seorang penuntut kumpulan silat tersebut.

Selain daripada itu, selempang-selempang merah yang kononnya akan menjadikan pemakainya kebal semasa pergaduhan antara kaum, telah juga dibuat dan dibahagi-bahagikan.

Menurut kenyataan itu, tindakan segera yang diambil telah dapat mencegah kegiatan-kegiatan kumpulan itu dari menimbulkan kebimbangan awam dan mence-



**-4 JUN 1987**

• MAZNAN AWI  
(bekas anggota polis)  
'Saya merasa insaf dan  
sedar akan perbuatan  
saya...'



• M. NOOR KASMADI  
(konstabel polis)  
'Saya sekarang  
kesal dan  
sedar serta insaf...'



• A. GANI  
Seorang drebar



• MOHD JUMAAT  
Penuntut VITB

tuskan kekacauan kaum.

"Pemerintah tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap sesiapa jua yang membangkitkan rasa benci antara kaum atau menyebarkan khabar-khabar angin yang boleh menimbulkan kebimbangan awam atau buruk sangka dan permusuhan antara kaum," kata kenyataan itu.

Kenyataan tersebut seharusnya dikeluarkan lebih awal tetapi ditangguhkan atas cadangan Menteri Bertanggungjawab Bagi Ehwal Masyarakat Islam, Dr Ahmad Mattar.

Ini adalah untuk mengelakkan timbulnya kebimbangan di kalangan orang ramai pada atau sekitar 13 Mei, iaitu ulangtahun rusuhan kaum 13 Mei 1969 di Malaysia, dan kerana menghormati bulan puasa dan Hari Raya Aidilfitri.

Ini adalah kali pertama satu kumpulan yang mengapi-apikan pergaduhan kaum ditahan sejak rusuhan kaum 1969.

Rusuhan di Malaysia yang 'me-rebak' ke Singapura itu telah menyebabkan empat orang terbunuh dan 80 orang tercedera di republik ini.

**-4 JUN 1987**

Pada tahun 1950, pertikaian mengenai hak memelihara seorang kanak-kanak Belanda, Maria Hertogh, antara ibu bapa kandungnya yang beragama Roman Katolik dan ibu bapa angkatnya yang beragama Islam telah menyebabkan rusuhan berlaku. Rusuhan kaum selama tiga hari itu menyebabkan 18 orang terkorban dan 173 orang tercedera.

Rusuhan kaum yang paling lama dan mengorbankan paling banyak jiwa ialah dalam 1964 yang bermula pada 21 Julai semasa perarakan Perayaan Maulud Nabi.

Rusuhan berlaku selama lima hari dan perintah berkurung terpaksa dikenakan. Rusuhan reda tetapi berulang sebulan kemudian. Sejumlah 36 orang telah terkorban dan 563 orang tercedera dalam kejadian itu.